

Malaysia aplikasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan di lebih 80 kementerian, agensi

# NBOS pacu transformasi negara

**PUTRAJAYA** – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) memainkan peranan penting bagi memaju dan mentransformasikan Malaysia melalui kreativiti dan inovasi yang sistematik.

“Hasil daripada lawatan saya ke seluruh negara, saya dapati pelbagai pihak mendapat manfaat daripada usaha yang dilakukan melalui NBOS. Kita dapat lihat perubahan masyarakat di setiap bandar sehingga ke desa.

“Saya amat berbangga dengan setiap usaha oleh semua pihak yang menjadikan usaha transformasi ini menjadi kenyataan,” katanya ketika menutup Persidangan Antarabangsa mengenai Strategi Lautan Biru (ICBOS) di sini semalam.

Tambahnya, inisiatif NBOS



**ZAHID** mencuba sendiri sejenis peralatan aviasi semasa melawat gerai pameran Jabatan Penerbangan Awam sempena Persidangan Antarabangsa mengenai Strategi Lautan Biru di Putrajaya semalam.

yang dibangunkan kerajaan turut mengambil kira kesesuaian keperluan dan cita rasa golongan belia.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, terdapat 90 produk di bawah NBOS yang

boleh dimanfaatkan rakyat yang antaranya bersesuaian untuk golongan belia.

Ahmad Zahid memberikan contoh inisiatif NBOS belia antaranya Projek Bandar Belia dan platform aktiviti sukarelawan melalui Malaysia for Youth (iM4U).

“Kerajaan memahami denyut nadi generasi muda dan kerana itu pelbagai kemudahan yang bersesuaian telah disediakan mengikut keperluan golongan tersebut,” katanya.

Ahmad Zahid menegaskan bahawa Malaysia telah mengaplikasikan prinsip, kerangka kerja dan perkakasan NBOS di lebih 80 kementerian dan agensi serta sektor swasta untuk hasil berimpak tinggi pada kos yang rendah dan bagi memenuhi Wawasan 2020.

Menurut beliau, dalam usaha menjadikan NBOS terus berkembang sebagai daya penggerak

**INFO**

**Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)**

- Dilancarkan pada 2009
- Telah membentuk dan melaksanakan lebih 60 inisiatif berdasarkan prinsip berimpak tinggi, berkos rendah dan pelaksanaan pantas dalam program-program pembangunan negara.
- Melibatkan lebih 80 kementerian dan agensi kerajaan untuk menangani pelbagai isu sosial dan ekonomi.

**Sumber:** Strategi Lautan Biru Kebangsaan

utama di sebalik Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), lebih banyak agensi kerajaan digalakkan untuk menjalin kerjasama kreatif bagi menangani isu-isu sosioekonomi.